

# Ekonomi berkembang 8 peratus

Oleh Kamal Ahmad

34 17 DEC 1993

KUALA LUMPUR, Khamis — Ekonomi negara semakin teguh dan dijangka berkembang pada kadar lapan peratus setahun bagi tempoh 1994-95 kerana semua sektor dalam ekonomi mencapai prestasi cemerlang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, pertumbuhan itu adalah satu kecemerlangan kepada Malaysia ketika negara-negara membangun dan maju terjejas terus kerana kesan kelembapan ekonomi antarabangsa.

Berucap membentangkan usul mengenai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam (RM6) di Dewan Rakyat, hari ini, Dr Mahathir berkata:

"Kecemerlangan ekonomi negara berteraskan kadar tabungan negara yang tinggi, pertumbuhan eksport yang pesat, peningkatan produktiviti dan daya saingan serta paras harga dan kadar tukaran asing yang stabil.

"Pertumbuhan itu didorong oleh permintaan dalam negeri dan pelaburan swasta yang menerajui perkembangan ekonomi negara yang meningkat pada kadar purata 13 peratus berbanding enam peratus matlamat rancangan di samping dibantu oleh aliran masuk pelaburan asing."

Menurutnya, pertumbuhan pesat ekonomi Malaysia dalam tempoh kajian semula yang dicapai dalam kelembapan ekonomi dunia dan ketidak-tentuan persekitaran ekonomi antarabangsa adalah bukti kekukuhan dan ketahanan asas ekonomi negara.

"Dengan asas yang ku-

kuh ini, negara kita dijangka akan terus membangun ke tahap dan martabat yang lebih tinggi dan cemerlang lagi," katanya.

Perdana Menteri berkata, satu ciri yang lebih membanggakan dalam pembangunan negara ialah kepesatan pertumbuhan ekonomi yang dicapai dengan kadar inflasi yang rendah dan harga yang stabil ialah dari lingkungan 4.4 peratus dan 4.7 peratus dua tahun sebelum ini kepada 3.8 peratus tahun ini.

Pada masa yang sama, katanya, kadar pengangguran berkurangan daripada 5.1 peratus pada 1990 kepada tiga peratus tahun ini, iaitu satu tahap guna tenaga penuh.

Menurutnya, prestasi sektor luar juga menjadi penggerak pertumbuhan ekonomi negara di mana eksport barangan dan perkhidmatan negara berkembang 10.6 peratus setahun, melebihi matlamat RM-6, sebanyak 6.4 peratus.

"Prestasi yang amat memuaskan ini mencerminkan kita meningkatkan daya saingan barangan Malaysia dan kegigihan usaha kita menembusi pasaran baru.

"Satu ciri penting dalam perkembangan eksport negara ialah peningkatan berterusan barangan perkilangan yang mana pada 1993 mencapai paras 71 peratus daripada jumlah eksport negara," katanya.

Dr Mahathir bagaimanapun memberitahu, sektor pertanian dan perlombongan kurang menggalakkan kerana kesan kemerosotan harga komoditi serta halangan pengeluaran dan tahap

pelaburan yang rendah.

Sektor pembuatan pula, katanya, terus menjadi teras kepada pertumbuhan dan perubahan struktur dalam tempoh kajian. Ia berkembang pada kadar 12.3 peratus dan bahagiannya kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) meningkat daripada 26.9 peratus pada 1990, kepada 30.1 peratus tahun ini.

Perdana Menteri berkata, kerajaan akan terus menggalakkan pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) melalui beberapa program seperti promosi pemasaran, penyediaan kemudahan kewangan dan insentif, skim vendor, sokongan teknikal serta penyelidikan dan pembangunan (R&D).

"Sebagai contoh, melalui skim vendor, Proton berjaya melantik 60 IKS dalam industri komponen dan barang ganti automobil, dan sehingga suku ketiga 1993, jumlah jualan adalah sebanyak RM1.1 bilion," katanya.

Menurutnya, pembangunan ekonomi yang pesat ketika ini mewujudkan 725,000 pekerjaan baru. Bagaimanapun, tahap guna tenaga yang tinggi menimbulkan masalah kekurangan tenaga pekerja dan ketegasan pasaran buruh di kebanyakan sektor dalam ekonomi.

Dr Mahathir berkata, usaha pengagihan kekayaan negara secara saksama terus menjadi agenda utama ke arah keadilan sosial dan masyarakat penyayang melalui penyediaan peluang secukupnya bagi semua rakyat Malaysia menyertai dan mendapat manfaat daripada arus pembangunan dan kemakmuran negara.

"Oleh itu, pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat adalah matlamat sosioekonomi yang penting dalam Dasar Pembangunan Nasional.

"Program pengurangan kemiskinan berjaya mengurangkan kadar kemiskinan daripada 17.1 peratus pada 1990 kepada 13.5 peratus, 1993," katanya.

Menurutnya, kadar kemiskinan golongan termiskin dapat dikurangkan daripada empat peratus kepada tiga peratus bagi tempoh yang sama.

Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri mengingatkan semua rakyat supaya tidak seharusnya berpuas hati dengan kejayaan yang dicapai setakat ini sebaliknya menghakis sikap itu kerana ia boleh menyebabkan kita leka dan mudah berpuas hati.

"Kita hendaklah mengandakan usaha mempertahankan kejayaan yang kita peroleh selama ini untuk mencapai kejayaan dan kecemerlangan yang lebih tinggi pada masa hadapan.

"Kita perlu berusaha dengan lebih gigih ke arah meningkatkan prestasi dan pencapaian ekonomi yang boleh menjadikan Malaysia sebuah negara yang dikenali dan dihormati di kalangan masyarakat antarabangsa," katanya.

Dr Mahathir juga mahu sektor swasta lebih inovatif dan dinamik dalam menggerakkan pertumbuhan ekonomi di samping menyumbang ke arah pencapaian matlamat sosioekonomi negara dalam semangat Persyarikatan Malaysia.